

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 BAGI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI				
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT				
1	Pelekat Kenderaan Daftar Luar Negara (PKLDN)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal kenderaan - kenderaan pendaftaran asing yang berada di Negara ini semasa pandemik COVID - 19 • Membantu pihak Kementerian Kesihatan dalam mengawal jangkitan pandemik COVID - 19 • Mengambil tindakan kompaun di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggalt 204) kepada pemilik - pemilik kenderaan pendaftaran asing yang tidak mematuhi mana - mana arahan atau pun Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh kerajaan 	<p>Sebagai salah satu langkah pengawalan kenderaan - kenderaan pendaftaran asing yang berada di negara ini semasa pandemik COVID 19, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) menguatkuasakan penggunaan Pelekat Pas Kenderaan pada 1 Oktober 2020 bagi tujuan mengenalpasti kenderaan - kenderaan berdaftar di luar negara seperti berikut:-</p> <p>i) Kenderaan - kenderaan pendaftaran asing bagi persendirian yang telah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) yang mana pelekat pas kenderaan yang berwarna biru diberikan; dan</p> <p>ii) Kenderaan - kenderaan pendaftaran asing bagi komersial yang memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pengangkutan barangan - barangan pertanian, agrimakanan dan perikanan dengan kebenaran daripada Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) dan diberikan pelekat pas kenderaan yang berwarna merah</p> <p>Pelekat kenderaan ini mempunyai tempoh sah laku iaitu tidak melebihi (3) bulan dan hendaklah diperbaharui sebelum tamat tempoh.</p>
JABATAN PERKHIDMATAN POS				
2	Projek Model Office - Operational Transformation	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan / Penerima Surat / Paket Kecil yang tidak memerlukan pemeriksaan kastam akan menerima surat / paket kecil mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan (2 hari waktu bekerja selepas ianya diproses) • Membantu posmen dalam membuat penghantaran surat secara sistematik • Memberikan ruang waktu posmen untuk membuat <i>sorting</i> dan <i>delivery</i> dalam waktu yang ditetapkan • Meningkatkan produktiviti dan efisiensi posmen dalam penghantaran surat / paket kecil • Memantau surat - surat / paket kecil dalam tempoh yang ditetapkan 	<p><i>Model Office - Operational Transformation</i> adalah salah satu projek dibawah <i>Corporatization</i> Jabatan Perkhidmatan Pos bagi memenuhi permintaan orang ramai dalam membuat penghantaran surat - surat / paket kecil kepada penerima dalam masa 2 hari selepas ianya telah diproses di Pusat Memproses Mel dan Bungkus (MPC). Projek ini bagi mengubal semula proses operasi bagi penghantaran surat - surat dan paket kecil ke rumah - rumah.</p>
PUSAT KEBANGSAAN E - KERAJAAN				
3	Government Data Centre and Cloud Infrastructure	Struktur Organisasi	<p>Mewujudkan infrastruktur <i>private cloud</i> dengan kapasiti yang lebih besar bagi menampung <i>virtualized environment</i> untuk menyediakan 'Infrastruktur Sebagai Perkhidmatan', 'Penyimpanan Data sebagai Perkhidmatan', 'Backup as a Services' serta 'Pemulihan Bencana sebagai Perkhidmatan' dalam sektor kerajaan.</p>	<p><i>One Government Private Cloud (OGPC)</i> adalah satu perkhidmatan gunasama dari segi penyediaan infrastruktur ICT kepada agensi - agensi kerajaan seperti <i>virtual machine</i>, tempat penyimpanan data, <i>backup</i> dan juga keupayaan pemulihan bencana, yang mana membolehkan agensi kerajaan untuk menempatkan sistem dan aplikasi mereka secara pusat tanpa perlu membeli peralatan secara berasingan.</p>

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 BAGI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
4	National Centralized Database Project	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan <i>Database</i> secara pusat • Menyediakan perkhidmatan <i>database</i> yang lebih cepat, kos efektif serta penaiktarafan yang mudah • Mengurangkan perbelanjaan negara di dalam memelihara pangkalan data melalui kos pemeliharaan secara pusat • Menyediakan platform sebagai pemudahcara bagi meningkatkan aktiviti perkongsian dan penyatuan maklumat secara pusat • Memudahkan intergrasi maklumat melalui satu platform 	<p>Penyediaan infrastruktur <i>database</i> termasuk penyediaan perkhidmatan perisian <i>database</i>, pembayaran lesen tahunan dan pemeliharaan untuk kegunaan jabatan - jabatan atau Kementerian yang memerlukan perkhidmatan perisian <i>database</i>. Ianya memberikan impak positif yang besar terutama dari segi kos pembelian perisian dan pemeliharaan yang lebih ekonomi dan efisien dibandingkan pembelian perisian secara 'silo' . Selain itu, ianya juga membantu dalam meningkatkan proses pengintegrasian dan perkongsian data .</p>